



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY*

29hb Ogos 1994

Sel.P.U.130.

ENAKMEN PENTADBIRAN PERUNDANGAN ISLAM
1989

FATWA TENTANG SISTEM AGIHAN ZAKAT NEGERI SELANGOR

Beta Perkenankan,

(Mohor
Kerajaan)

SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH AL-HAJ,
SULTAN SELANGOR

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 31(1) dan seksyen 32, Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989, Selangor, Mufti bagi Negeri Selangor atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan selepas berbincang dengan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' membuat fatwa tentang "Sistem Agihan Zakat Negeri Selangor" seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

En. 2/1989

JADUAL

KANDUNGAN

1. Bab I : Asnaf yang Berhak Menerima Agihan Zakat Menurut Quran
2. Bab II : Asnaf yang Berhak Menerima Agihan Zakat di Negeri Selangor
3. Bab III : Hukum Agihan Zakat

4. Bab IV : Sistem Agihan Zakat kepada Asnaf Fakir
5. Bab V : Sistem Agihan Zakat kepada Asnaf Miskin
6. Bab VI : Sistem Agihan Zakat kepada Asnaf Amil
7. Bab VII : Sistem Agihan Zakat kepada Asnaf Muallaf
8. Bab VIII : Sistem Agihan Zakat kepada Asnaf Gharim
9. Bab IX : Sistem Agihan Zakat kepada Asnaf Fisabilillah
10. Bab X : Sistem Agihan Zakat kepada Asnaf Ibnu Sabil
11. Bahan Rujukan

BAB I

ASNAF YANG BERHAK MENERIMA AGIHAN ZAKAT MENURUT AL-QURAN

Dalam Al-Quran Allah S.W.T telah memfardhukan bahawa hasil pungutan zakat hendaklah diagihkan kepada **LAPAN ASNAF** seperti di bawah ini :

- | | |
|------------|-----------------|
| 1. Fakir | 5. Riqap |
| 2. Miskin | 6. Gharim |
| 3. Amil | 7. Fisabilillah |
| 4. Muallaf | 8. Ibnu Sabil |

(Rujukan : Ayat 60 dalam Surat Taubah Juzuk 10)

BAB II

ASNAF YANG BERHAK MENERIMA AGIHAN ZAKAT DI SELANGOR

Asnaf atau kumpulan-kumpulan yang berhak menerima agihan zakat di Negeri Selangor hanya ada **TUJUH ASNAF** sahaja seperti dibawah ini:

- | | |
|------------|-----------------|
| 1. Fakir | 5. Gharim |
| 2. Miskin | 6. Fisabilillah |
| 3. Amil | 7. Ibnu Sabil |
| 4. Muallaf | |

Asnaf Riqab tiada terdapat di Negeri Selangor dan Agihan Asnaf tersebut hendaklah diagihkan kepada asnaf yang ada seperti di atas.

(Rujukan : *Majmuk juzuk 6*, muka surat 185;
Iqnak juzuk 1, muka surat 200;
Bajuri juzuk 1, muka surat 284; dan
Fiqhu Zakah juzuk 2, muka surat 686)

BAB III

HUKUM AGIHAN ZAKAT

1. Semua hasil pungutan zakat WAJIB diagih-agihkan kepada asnaf – asnaf yang ada dalam Negeri Selangor .

(Rujukan : *Fiqhu Zakah juzuk ke 2*, muka surat 686
Majmuk juzuk 6, muka surat 185
Iqnak juzuk 1, muka surat 200
Bajuri juzuk 1, muka surat 284).
2. TIDAK WAJIB disamakan pengagihan zakat antara satu asnaf dengan asnaf yang lain.
(Rujukan : *Fiqhu Zakah juzuk ke 2*, muka surat 692)
3. TIDAK WAJIB disamakan pengagihan zakat antara seseorang dengan yang lain dalam satu-satu asnaf.
(Rujukan : *Fiqhu Zakah juzuk ke 2*, muka surat 693)
4. MAIS atau wakil yang diberikuasa bagi pihaknya boleh menentukan kadar agihan antara satu asnaf dengan asnaf yang lain dan begitu juga antara seseorang dengan lain dalam tiap-tiap asnaf.
5. Bantuan yang tidak termasuk jenis-jenis agihan dalam mana-mana asnaf zakat bolehlah diberikan daripada peruntukan wang Baitumal atau wang Kerajaan.

BAB IV

SISTEM AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF FAKIR

TAKRIF FAKIR :

Fakir ialah orang Islam yang tidak mempunyai harta dan hasil usaha (pekerjaan) yang halal dan layak dengannya untuk memenuhi keperluan dirinya dan tanggungannya termasuk makanan, pakaian, tempat tinggal dan keperluan–keperluan lain.

Contohnya :

Seseorang yang memerlukan RM10.00 sehari tetapi hanya memperoleh RM 4.00 sahaja atau kurang daripadanya sehari.

(rujukan : *Fiqhu Zakah juzuk ke 2* , muka surat 547)

<i>Ciri-ciri Pendapatan Fakir</i>	
<i>Dalam Bandar</i>	<i>Luar Bandar</i>
Pendapatan kurang daripada RM 200.00 sebulan Atau RM 33.00 sekepala	Pendapatan kurang daripada RM 180.00 sebulan Atau RM 30.00 sekepala

<i>Ciri-ciri Fizikal Fakir Dalam Dan Luar Bandar</i>
1. Tiada harta atau pekerjaan

<ol style="list-style-type: none"> 2. Tua, uzur dan sebatang kara 3. Cacat, tiada beruapaya menyara hidup 4. Janda yang hilang tempat bergantung 5. Tidak mampu menanggung keperluan hidup 6. Tinggal menumpang di rumah saudara, setinggalan atau di atas tanah Kerajaan Negeri Selangor 7. Tidak mendapat bantuan yang mencukupi daripada mana-mana pihak.
--

<i>Ciri-ciri Tanggungan Fakir Dalam dan Luar Bandar</i>
1. Asas pengiraan mengambil kira enam orang tanggungan (yang belum bekerja) oleh ketua keluarga

<i>Keperluan Asas Bulanan Fakir</i>			
<i>Dalam Bandar</i>		<i>Luar Bandar</i>	
1. Rumah		1. Rumah	
Kediaman	- RM 100.00	Kediaman	- RM 50.00
2. Makanan	- 200.00	2. Makanan	- 200.00
3. Pakaian	- 50.00	3. Pakaian	- 50.00
4. Pelajaran	- 50.00	4. Pelajaran	- 50.00
5. Perubatan	- 20.00	5. Perubatan	- 20.00
Jumlah	420.00	Jumlah	370.00

<i>Jenis-jenis Agihan</i>	<i>Cara-cara Agihan</i>
1. Agihan Tahunan sebelum Hari Raya Puasa	1.1 Wang tunai
2. Agihan Bulan	2.1 Barang-barang makanan
3. Agihan Bantuan Perubatan	3.1 Bayaran bil-bil rawatan
4. Agihan Bantuan Pertanian	4.1 Bayaran sewa tanah/ sawah
5. Agihan Bantuan Perniagaan	5.1 Modal perniagaan (Wang)
	5.2 Tempat perniagaan, spt kereta sorong
	5.3 Kemahiran spt bengkel
6. Agihan Bantuan Pelajaran yang diberi kepada kanak-kanak yang ibu bapa atau penjaganya termasuk asnaf fakir	6.1 Yuran sekolah rendah
	6.2 Bayaran peperiksaan PMR, SPM, STPM, SRA, SPA
	6.3 Bantuan pakaian dan peralatan sekolah

Peringatan : Orang yang tidak menepati ciri-ciri fakir seperti di atas tidak berhak menerima agihan asnaf ini

BAB V

SISTEM AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF MISKIN

TAKRIF MISKIN :

Miskin ialah orang Islam yang mempunyai harta dan hasil usaha (pekerjaan) yang halal dan layak dengannya tetapi tidak mencukupi untuk menanggung keperluan dirinya dan tanggungannya.

Contohnya :

Seseorang yang memerlukan RM 10.00 sehari tetapi hanya memperoleh RM 7.00 atau RM 8.00 sehari.

(Rujukan : *Fiqhu Zakah Juzuk 2* , muka surat 547-548)

<i>Ciri-ciri Pendapatan Miskin</i>	
<i>Dalam Bandar</i>	<i>Luar Bandar</i>
Pendapatan antara RM201.00 hingga RM336.00 sebulan atau RM56.00 sekepala	Pendapatan antara RM181.00 hingga RM296.00 sebulan atau RM49.00 sekepala

<i>Ciri-ciri Fizikal Miskin Dalam Dan Luar Bandar</i>
<ol style="list-style-type: none"> 1. Ada pekerjaan atau harta tetapi tidak mencukupi keperluan asasi diri dan tanggungannya. 2. Suri rumah yang hilang tempat bergantung spt.: <ol style="list-style-type: none"> 2.1 Ditinggalkan suami tanpa cerai 2.2 Menunggu keputusan perceraian di Mahkamah Syariah 2.3 Suami di penjara / di Pusat Serenti 2.4 Suami hilang upaya bekerja 3. Tinggal menumpang di rumah saudara, tinggal di rumah setingan atau di atas tanah Kerajaan. 4. Tidak mendapat bantuan mencukupi daripada mana-mana pihak.

<i>Ciri-ciri Tanggungan Miskin Dalam dan Luar Bandar</i>
Asas pengiraan mengambil kira 6 orang tanggungan yang belum bekerja oleh ketua keluarga

<i>Keperluan Asas Bulanan Miskin</i>	
<i>Dalam Bandar</i>	<i>Luar Bandar</i>
<ol style="list-style-type: none"> 1. Rumah Kediaman - RM 100.00 2. Makanan - 200.00 3. Pakaian - 50.00 4. Pelajaran - 50.00 5. Perubatan - 20.00 Jumlah 420.00 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Rumah Kediaman - RM 50.00 2. Makanan - 200.00 3. Pakaian - 50.00 4. Pelajaran - 50.00 5. Perubatan - 20.00 Jumlah 370.00

<i>Jenis-jenis Agihan</i>	<i>Cara-cara Agihan</i>
1. Bantuan Tahunan sebelum Hari Raya Puasa	1.1 Wang tunai
2. Bantuan Perniagaan	2.1 Modal Perniagaan (Wang) 2.2. Tempat perniagaan spt kereta sorong 2.3 Kemahiran spt bengkel
3. Bantuan Pelajaran diberikan kepada kanak- kanak yang ibu bapa atau penjaganya termasuk asnaf miskin	3.1 Yuran sekolah rendah 3.2 Bayaran peperiksaan PMR, SPM, STPM, SRA, SPA 3.3 Bantuan pakaian dan Peralatan sekolah

Peringatan :

Orang yang tidak menepati ciri-ciri miskin seperti di atas tidak berhak menerima agihan asnaf ini.

BAB IV

SISTEM AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF AMIL

TAKRIF AMIL :

Amil ialah orang yang dilantik oleh Raja untuk menjalankan tugas-tugas pemungutan dan pengagihan zakat.

(Rujukan : *Bajuri juzuk 1*, muka surat 283)

<i>Amil</i>	
<i>Ciri-ciri Orang Yang Boleh Dilantik Menjadi Amil</i>	<i>Ciri-ciri Orang Yang Tidak Boleh Dilantik Menjadi Amil</i>
1. Islam	1. Bukan Islam
2. Faham hukum Islam	2. Tidak faham hukum Islam
3. Mukallaf (baligh)	3. Belum Mukallaf (baligh)
4. Merdeka	4. Hamba
5. Adil (tidak melakukan dosa besar dan tidak kekal melakukan dosa kecil)	5. Fasik (Orang yang melakukan dosa besar atau kekal melakukan dosa kecil)
6. Mendengar	6. Tuli/pekak
7. Melihat	7. Buta
8. Lelaki	8. Perempuan

(Rujukan : *Kitab la'natut Talibin juzuk 2* , muka surat 190)

Jenis-jenis Agihan	Cara-cara Agihan
1. Peruntukan upan Amil zakat fitrah.	1.1 Wang tunai

2. Peruntukan Upah Amil Zakat padi.	2.1 Wang tunai
3. Peruntukan gaji kakitangan MAIS.	3.1 Wang tunai
4. Peruntukan elaun perbatuan kakitangan MAIS (zakat).	4.1 Wang tunai
5. Peruntukan elaun lebihmasa kakitangan MAIS.	5.1 Wang tunai
6. Peruntukan mencetak kupon-kupon dan resit zakat.	6.1 Bayaran bil berkenaan/ berkaitan
7. Peruntukan lujnah penerbitan MAIS (zakat).	7.1 Bayaran bil berkenaan/ berkaitan
8. Peruntukan latihan dan kursus Amil dan kakitangan MAIS (zakat).	8.1 Wang tunai dan bayaran bil berkaitan
9. Peruntukan membeli peralatan pejabat (zakat).	9.1 Bayaran bil berkenaan/ berkaitan
10. Peruntukan pelbagai pengurusan MAIS (zakat)	10.1 Wang tunai dan bayaran bil berkaitan
11. Peruntukan pelbagai perbelanjaan Amil	11.1 Wang tunai dan bil berkaitan

Peringatan :

1. Kakitangan MAIS/JAIS yang telah dibayar gaji , tidak boleh menerima upah sebagai Amil jika ia ditugaskan mengutip zakat termasuk zakat padi , fitrah dan zakat-zakat lain-lain.

(Rujukan : Fiqhu Islam Waadillatuhu juzuk 2 , muka surat 867)

2. Pungutan atau kutipan zakat di kaunter-kaunter zakat atau Pejabat-Pejabat Agama Daerah hendaklah diterima oleh pegawai dan kakitangan MAIS/JAIS lelaki yang telah dilantik menjadi penolong Amil.
3. Pegawai MAIS (zakat) perempuan tidak boleh dibayar gaji menggunakan peruntukan asnaf Amil, sebaliknya hendaklah dibayar menggunakan peruntukan Baitumal.

BAB VII

SISTEM AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF MUALLAF

TAKRIF MUALLAF :

Muallaf ialah :

- (a) seseorang yang masuk Islam dan imannya dhaif , maka adalah diharapkan pemberian agihan ini boleh menguatkan imannya .; atau
- (b) seseorang yang masuk Islam dan imannya sudah kuat dan ia dipandang mulia oleh kaumnya , maka adalah diharapkan pemberian agihan ini kepadanya dapat menarik orang lain masuk islam atau agihan ini dapat mempertahankan kejahatan orang kafir di sekelilingnya.

(Rujukan : *Iqnak* , muka surat 199 dan *Bajuri* juzuk 1 , muka surat 283)

<i>Jenis-jenis Agihan</i>	<i>Cara-cara Agihan</i>
1. Pemberian galakan kepada orang baru masuk Islam.	1.1 Wang tunai.
2. Pemberian galakan menghadiri kelas agama (untuk muallaf dewasa sahaja).	2.1 Wang tunai.
3. Bantuan bulanan bagi tempoh tertentu.	3.1 Wang tunai.
4. Bantuan berkhatan (sekali sahaja).	4.1 Wang tunai untuk membayar bil-bil berkhatan.
5. Bantuan perkahwinan (hanya diberikan kepada mereka yang hendak berkahwin dan perkahwinannya itu adalah kali pertama setelah masuk Islam).	5.1 Wang tunai.
6. Bantuan Hari Raya Puasa.	6.1 Wang tunai.
7. Bantuan perniagaan Perusahaan.	7.1 Wang tunai.
8. Pengurusan rumah tumpangan muallaf, seperti : 8.1 membaiki kerosakan bangunan 8.2 bayaran bil api dan air 8.3 kos lain bagi penyelenggaraan bangunan	8.1 Bayaran bil yang berkaitan.
9. Lawatan sambil belajar atau umrah sekali sahaja.	9.1 Wang tunai dan tiket kapal terbang.
10. Ibadat Haji sekali sahaja.	10.1 Wang tunai dan tiket kapal terbang.
11. Majlis Silaturrahim atau perayaan hari kebesaran Islam (hanya bagi majlis atau	11.1 Bayaran kos mengadakan majlis atau perayaan.

perayaan yang dianjurkan dan dihadiri oleh muallaf).	
12. Bantuan kecemasan seperti kebakaran , banjir dan lain-lain.	12.1 Wang tunai. 12.2 Barang-barang keperluan.
13. Percetakan.	13.1 Bayaran bil yang berkaitan
14. Pemberian galakan kepada muallaf yang dapat menarik oaring bulkan Islam memeluk agama Islam	14.1 Wang tunai

Peringatan :

1. Orang yang bukan muallaf tidak boleh menerima/ menggunakan memakan agihan asnaf ini (contohnya, orang yang bukan muallaf apabila menghadiri jamuan majlis silaturrahim yang menggunakan peruntukan muallaf tidak boleh turut memakan jamuan tersebut kecuali disediakan peruntukan daripada Baitumal atau Kerajaan atau sumber-sumber lain)
2. Tempoh seseorang dikira muallaf adalah bergantung kepada penilaian Jawatankuasa Muallaf.

BAB VIII

SISTEM AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF GHARIM

TAKRIF GHARIM :

Gharim ialah orang Islam yang berhutang untuk memenuhi keperluan asasi bagi permasalahan diri atau keluarga tanggungannya atau orang yang berhutang untuk menyelesaikan masalah masyarakat dan memerlukan penyelesaian segera, dengan syarat :

- (a) orang yang berhutang itu tidak mampu untuk menjelaskan hutangnya;
- (b) hutang itu hendaklah dalam perkara taat yang diharuskan oleh syara' atau dalam maksiat (tidak diharuskan syara') tetapi telah bertaubat; dan
- (c) hutang itu telah sampai tempohnya untuk dijelaskan.

(Rujukan : *Fiqhu Zakah* juzuk 2 , muka surat 623 – 626)

<i>Jenis-jenis Agihan</i>	<i>Cara-cara Agihan</i>
1. Bantuan kepada seseorang Islam untuk membayar hutangnya (termasuk semua jenis hutang).	1.1 Wang tunai atau bayaran bil-bil hutangnya
2. Bantuan kepada badan-badan kebajikan / pertubuhan Islam	2.1 Wang tunai atau bayaran bil-bil hutangnya

yang berhutang kerana masalah am masyarakat Islam.	
3. Bantuan kecemasan atau kemalangan spt kebakaran banjir, ribut dan lain-lain.	3.1 Wang tunai 3.2 Barang-barang keperluan

BAB IX

SISTEM AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF FISABILILLAH

TAKRIF FISABILILLAH :

Fisabilillah ialah tiap-tiap perbuatan/ perkara yang menjurus kepada keperluan dan masalah untuk menegakkan syiar Islam.

(Rujukan : Fiqhu Zakah juzuk 2 , muka surat 635 – 669)

<i>Jenis-jenis Agihan</i>	<i>Cara-cara Agihan</i>
1. Elaun tahunan kepada pegawai dan AJK masjid sebelum Hari Raya Puasa.	1.1 Wang tunai
2. Imbuan kepada Penolong Pendaftar Nikah , Imam Rawatib yang bersara atau meninggal dunia	2.1 Wang tunai kepada mereka yang bersara 2.2 Dibayar tunai kepada warisnya jika meninggal dunia
3. Elaun kepada :- (a) Guru Agama Dewasa (b) Guru Al-Quran (c) Guru Tahfiz Al-Quran (d) Guru Agama bukan muallaf yang mengajar kelas muallaf (e) Guru/Penceramah	3.1 Dibayar wang tunai pada (a) tiap-tiap bulan (b) tiap-tiap bulan (c) tiap-tiap bulan (d) setiap kali mengajar (e) setiap kali berceramah
4. Kursus meningkatkan kecekapan Pegawai dan AJK masjid, spt kursus pentadbiran dan pengurusan qira'ah, pembacaan khutbah dan pengurusan jenazah (sementara menunggu peruntukan tahunan kerajaan dipohon).	4.1 Bayar tambang pergi balik 4.2 Bayar gantian hilang pendapatan 4.3 Belanja makan minum semasa kursus (dibayar kepada pembekal)
5. Kursus penerapan nilai-nilai Islam spt :- (a) ceramah umum Seluruh Selangor	5.1 Bayaran jamuan kerana kursus tersebut

<p>(b) Kursus haji (c) Seminar dakwah (Hanya bagi tahun 1994 ,manakala bagi tahun 1995 dan seterusnya, tidak diagihkan daripada asnaf Fisabilillah tetapi boleh dipohon daripada kerajaan. Penceramah boleh dibayar seperti butiran 3.</p>	
<p>6. Bantuan kepada pertubuhan Islam di Selangor spt :- (a) persatuan pelajar/mahasiswa Islam pusat pengajian Islam (b) badab-badan dakwah (c) badan-badan kebajikan Agama Islam</p>	<p>6.1 Wang tunai atas nama badan/persatuan/ pertubuhan</p>
<p>7. Peruntukan kepada Pusat Dakwah Selangor di Sabak Bernam (sementara menunggu peruntukan Kerajaan).</p>	<p>7.1 Bantuan bagi kursus bimbingan kerohanian dan kursus muballighat sahaja</p>
<p>8. Bantuan kecemerlangan pelajar.</p>	<p>8.1 Bantuan kepada pelajar cemerlang yang sedang belajar/ lepasan sekolah dengan tajaan kerajaan Negeri/ JAIS.</p>
<p>9. Bantuan kepada anak yatim.</p>	<p>9.1 Bantuan wang tunai 9.2 Bantuan barang makanan 9.3 Bantuan yuran sekolah 9.4 Bantuan pakaian dan peralatan sekolah</p>
<p>10. Bantuan menguruskan jenazah tanpa waris.</p>	<p>10.1 Bantuan secukupnya untuk menguruskan jenazah hingga dikebumikan.</p>
<p>11. Peruntukan Program OutReach MAIS/JAIS untuk mendekati orang muallaf di perkampungan mereka (termasuk makan, minum, kajian dan aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan).</p>	<p>11.1 Bayaran bil-bil berkaitan</p>
<p>12. Peruntukan sebaran dakwah termasuk sebaran kepada orang yang belum memeluk agama Islam.</p>	<p>12.1 Bayaran-bayaran bil tertentu</p>

13. Imbuan kepada pendakwah bukan muallaf yang dapat menarik orang bukan Islam memeluk agama Islam.	13.1 Wang tunai
14. Bantuan umum kepada Masjid /Surau kerana :- (a) membeli ambal/permaidani, sejadah dan tikar (b) membeli kitab agama (c) membeli kelengkapan bilik khutubkhanah majlis /surau	14.1 Wang tunai atau barang keperluan
15. Memberikan bantuan untuk membeli peralatan Taman Asuhan Kanak-Kanak Islam (TASKI).	15.1 Wang tunai atau barang keperluan
16. Bantuan pelajaran dalam bentuk :- (a) dermasiswa kecil SAMR/ SAMT. (b) dermasiswa penuntut dalam dan luar negeri. (c) dermasiswa pelajaran dalam negeri selangor, selain yang disebut dalam butiran (a) dan (b).	16.1 Wang tunai atau barang keperluan

BAB X

SISTEM AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF IBNI SABIL

TAKRIF IBNI SABIL :-

Ibni Sabil ialah orang islam yang kehabisan belanja dalam perjalanan atau orang Islam yang hendak memulakan perjalanan sedangkan ia tidak mempunyai belanja, dengan syarat :-

- (a) ia mengembara dari negeri tempat tinggalnya; dan
- (b) pengembaraannya diharuskan oleh syara'

(Rujukan : *Bughyah Mustaryidin*, muka surat 105 ,
Majmuk juzuk 6, muka surat 214
Fiqhu Zakah juzuk 2, muka surat 276
Fiqhu Islam Waadilatuhu juzuk 2, muka surat 875 dan
Iqnak juzuk 2, muka surat 200)

<i>Jenis-jenis Agihan</i>	<i>Cara-cara Agihan</i>
1. Bantuan kerana hendak memulakan perjalanan (musafir).	1.1 Wang tunai atau waran tiket
2. Bantuan kepada orang yang keputusan perbelanjaannya	2.1 Wang tunai atau waran tiket

dalam perjalanannya (musafir)	
----------------------------------	--

* Peringatan : Musafir kerana maksiat tidak harus dibantu

BAHAN RUJUKAN

1. Al – Quran
2. Kitab Fiqhul Islam Waadillatuh
Doktor Wahab Zuhaili – (Darul Fikri)
- Cetakan kedua tahun 1401/1985
3. Kitab Fiqhu Zakah
Doktor Yusof Qardhawi – (Darul Irsyad)
- Cetakan keenam 1401/1981
4. Kitab Iqnak
- Cetakan Darul Ahya'
5. Kitab Bajuri
- Cetakan Sulaiman Marei
6. Kitab Ia'natit Talibin
- Cetakan Sulaiman Marei
7. Bughyatul Murtasyidin
8. Kitab Majmuk
- Cetakan Darul Fikri

Dibuat pada 29hb Ogos 1994.
(JAI.Sel 8014/7 Jilid II;P.U.Sel 2780.)

Dengan Titah Perintah,

SS DATO' HAJI ISHAK BIN BAHAROM

Mufti
Negeri Selangor